

26/06/1999

Negara tidak dijajah semula jika Melayu bersatu

Anak Gong Chengal

PERKEMBANGAN politik semasa di negara kita seolah-olah membawa harapan baru ke arah memantapkan lagi kestabilan dan membangunkan Malaysia tercinta ini. Saya amat bersetuju pandangan pembaca, KAR (Berita Harian 23 Jun 1999) yang mengaitkan mengenai perlunya rakyat bersatu dan berganding bahu membangun negara.

Mungkin ada yang berpendapat kita terpaksa menghadapi kerenah musuh negara yang berselindung di sebalik kegawatan ekonomi dan suasana politik. Saya cukup yakin kita tidak mungkin dijajah sekali lagi selagi kesatuan Melayu serta semangat juang yang berterusan dan disematkan ke dada bangsa Melayu. Tetapi tidak lupa kita sebenarnya perlu menumpukan perhatian terhadap ketidakfahaman rakyat serta ketaksuban rakyat terhadap pemimpin yang menyeleweng serta pembangkang yang berfikiran sempit.

Kita berpecah belah sejak Pas keluar dari Umno menjelang kemerdekaan. Pandangan sempit parti pembangkang ini masih menular hingga kini. Sejak zaman Datuk Onn Jaafar, kemudian Tuanku Abdul Rahman hinggalah ke era Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pemimpin Umno terpaksa berhempas pulas memberi penerangan dan mendapatkan keyakinan rakyat mengenai perlunya bangsa Melayu menjaga kedaulatan, maruah bangsa, dan ketuanan Melayu di negara sendiri. Tetapi Pas cuba menidakkannya dan meracuni pemikiran rakyat.

Saya percaya penjelasan Perdana Menteri dan ahli Majlis Tertinggi (MT) pada Perhimpunan Agung Umno minggu lalu memberi tamparan hebat kepada pembangkang terutama Pas yang memang kerja mereka mencari isu untuk menjatuhkan kerajaan yang ada, yang sah dipilih rakyat terutama orang Melayu sendiri.

Pas menggunakan kesempatan dan kebebasan yang diberikan kerajaan untuk memburuk-burukkan kerajaan, seolah-olah parti itu satu-satunya kerajaan yang boleh membawa kemakmuran dan kemajuan jika dipilih.

Pas telah menggunakan Harakah dan Internet, serta ceramah umum yang diadakan segenap rantau. Melalui Internet, mereka memaki hamun sesama Islam dengan berita-berita fitnah, melukis gambar-gambar pemimpin dengan wajah yang buruk. Adakah ini mulia dan indah? Dalam ceramah mereka, seperti yang pernah saya hadiri, tidak banyak yang menjelaskan dasar perjuangan Pas sebaliknya memaki hamun dan mengeksploitasi isu penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengapa dulu marah kepada Anwar dan sekarang sanggup membelanya pula? Bukankah itu urusan Umno? Salahkah Umno jika parti itu cuba membersihkan pemimpinnya yang didapati boleh merosakkan negara dan buruk moralnya demi kebaikan bangsa pada masa depan? Bayangkan bagaimana jika Anwar sudah menjadi Perdana Menteri dan diheret ke mahkamah kerana salah laku? Begitu juga, kalau dulu mereka mengkafirkan Umno kerana berbaik-baik dengan MCA dan MIC. Kenapa pulak sekarang mereka berbaik dengan DAP? Sebenarnya DAP lebih kafir dari MCA dan MIC kerana DAP menolak seratus peratus kewujudan negara Islam dan tidak mengakui kedaulatan raja-raja Melayu.

Memang sah pembangkang ini hanya ada satu tujuan, satu agenda politik yang kotor, iaitu menumbangkan kerajaan yang terbukti membawa kemakmuran kepada rakyat negara ini. Barisan Nasional (BN) akan tetap utuh bersama Umno menjadi tulang belakang kerajaan selagi rakyat faham dan tidak diperbodoh-bodohkan. Mereka sebenarnya telah menderhaka kepada bangsa sendiri. Saya yakin rakyat tidak sebodoh itu untuk menerima agenda politik sempit apatah lagi sanggup memaki hamun dan mencarut.

Asalkan sama dengan tabiat buruk mereka yang tidak menerima yang baik, asalkan apa saja yang boleh menolong mereka menentang kerajaan mereka terima. Sebagai contoh, najis "tahi" sebagaimana dalam SHIT yang keluar dari perut itu apabila dibersihkan oleh angin, air dan hujan lalu menjadi suci bersih dan muncul sebagai wira! Memang itukah hukum Islam.

Adakah yang telah menjadi najis atau haram itu apabila dibersihkan dengan apa bahan pencuci sekalipun boleh jadi suci? Ini terang-terang menampakkan pembohongan dan sebuah parti yang memperjuangkan Islam boleh menerimanya pula.

Sebagai seorang Islam, kita amat kecewa dan sedih. Sebenarnya kalau kita ikhlas kita terima yang baik dan yang buruk tetap buruk.

Sepertimana yang telah dinyatakan di atas, Perhimpunan Agung Umno memberi suntikan baru kepada rakyat yang masih terpedaya dengan dakwah Pas ini. Hanya mereka yang tidak sanggup menghadapi kenyataan saja yang tidak mahu menerima.

Dan, golongan fanatik ini akan mencari alasan lain pula mengapa mereka tidak bersetuju dengan dasar-dasar yang diperjuangkan Umno selama ini.

Akhirnya, sama-samalah kita menghargai dan bersyukur nasib kita sebenarnya lebih baik berbanding rakyat di negara yang menghadapi kesengsaraan seperti penghapusan etnik, perebutan kuasa autonomi, bencana alam dan pelbagai musibah yang menimpa mereka.